

PM tolak anggapan Chong Eu mulanya enggan bertanding

UM 13 OCT 1990

KUALA LUMPUR 12 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menolak anggapan bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu pada mulanya enggan bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri Padang Kota kerana ingin bersara dari politik.

"BN tidak pernah mendesak Dr. Lim bertanding mengekalkan kerusinya di kawasan itu, tetapi ia adalah atas kerelaannya sendiri," kata Perdana Menteri, yang mengulas mengenai kenyataan Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang mengenai perkara itu.

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah bahawa pihak yang membuat anggapan itu nampaknya tidak begitu mengenali Dr. Lim.

"Barangkali dia (Encik Lim) tidak kenal Dr. Lim. Siapa yang boleh paksa Dr. Lim membuat sesuatu?"

"Kalau dia (Dr. Lim) hendak, dia buat. Kalau tidak, tidaklah," kata Dato' Sri Dr. Mahathir pada sidang akhbar semasa melancarkan manifesto Barisan Nasional (BN) di sini pagi ini.

Encik Lim Kit Siang yang akan menentang Dr. Lim Chong Eu di kawasan itu dalam pilihanraya 21 Oktober ini, berkata, BN terpaksa

sa mengambil langkah itu walaupun mengetahui Dr. Lim sudah sampai peringkat untuk bersara.

Dato' Sri Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, langkah Encik Lim bertanding menentang Dr. Lim adalah usaha untuk memaksa rakyat Pulau Pinang memilihnya (Encik Lim).

"Dia mahu paksa juga supaya pengundi memilih dia. Dia tidak ambilkira langsung pendirian dan kehendak rakyat negeri itu. Ini cara Kit Siang," katanya.

Bagaimanapun beliau yakin Dr. Lim yang mempunyai pengalaman luas dan merupakan pemimpin yang paling disegani di negeri itu akan mencapai kemenangan.

Menjawab satu pertanyaan, beliau berkata, sebelum ini iaitu pilihanraya lalu, penduduk negeri itu sememangnya mahukan kepimpinan Dr. Lim tetapi mereka juga mahu memberikan "ruang" kepada DAP di sesetengah tempat.

Ditanya apakah nasihat beliau kepada Encik Lim Kit Siang yang begitu nekad untuk memenangi kawasan tersebut, Dato' Sri Dr. Mahathir secara berseloroh berkata: "Saya punya nasihat ialah supaya dia tarik diri."

Kehabisan isu

Dato' Sri Dr. Mahathir juga mendedahkan bagaimana pembangkang kehabisan isu dengan menuduh kerajaan sengaja melancarkan Minggu Teleton kononnya untuk mengutip wang bagi belanja kempen Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya kali ini.

Perdana Menteri berkata, beliau mendapat tahu kononnya 75 peratus daripada \$2 juta yang dijangka dapat dikutip akan diserahkan kepada BN.

"Saya dengar perkara ini akan dijadikan isu oleh pembangkang sedangkan kita melancarkan kempen Teleton itu semata-mata mahu membantu pesakit-pesakit jantung dan buah pinggang," katanya.

Sambil menyatakan rasa kesal terhadap tohmahan itu, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan BN bersikap jujur dalam mengadakan kempen itu untuk membantu mereka yang tidak berupaya.

"Buat apa hendak ambil 75 peratus dari kutipan itu iaitu \$1.5 juta sedangkan ada akhbar yang melaporkan kita akan belanja \$1 bilion," katanya.

Bagaimanapun apabila ditanya adakah benar BN akan membelanjakan sebanyak \$1 bilion dalam kempen pilihanraya ini, Dato' Sri Dr. Mahathir secara berseloroh menjawab:

"Saya fikir anda boleh buat perkiraan sendiri dan boleh menjabarnya sama ada ya atau tidak. Kalau benar, kita pakai motokar bersalut emaslah."